

# Daing Nasir kekal Naib Canselor UMP

*Kormo (Nejenc) Selangor 2/4/12ms/3*

**KUANTAN** - Prof. Datuk Daing Nasir Ibrahim dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa mulai 16 Mei ini.

Beliau mula menerajui UMP pada 16 Mei 2008.

Pelantikan semula Daing Nasir, 58, dibuat oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Daing Nasir yang berasal dari Johor Bahru merupakan lulusan PhD dari University of Dundee, United Kingdom.

Sebelum dilantik sebagai Naib Canselor UMP, beliau pernah berkhidmat di Universiti Sains Malaysia dan memegang jawatan utama termasuk Dekan di Sekolah Pengurusan selama 10 tahun dan dilantik sebagai Pengarah Pusat Pengurusan Ter maju universiti berkenaan.

Ketika menerajui UMP, beliau sentiasa menggalakkan pentadbiran berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan mengutamakan prestasi.



**DAING NASIR**